

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VI)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB. ONG KHAN LEE**

14. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menaik taraf rumah pangsa Padang Tembak memandangkan satu pertandingan antarabangsa mengenai *Urban Renewal International Design Ideas* telah berjaya diadakan pada beberapa tahun yang lalu?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri sedang merangka pelan pembangunan jangka panjang melalui pendekatan pembaharuan semula bandar *urban regeneration* bagi Rancangan Perumahan Awam Padang Tembak dan beberapa lagi skim perumahan awam yang lama. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah pelan pemindahan penduduk, reka bentuk, ketumpatan dan kemudahan baru yang perlu disediakan di kawasan yang akan dibangunkan semula ini. Pada masa ini, kajian secara menyeluruh masih lagi dijalankan dengan memberi perhatian kepada isu perundangan hak milik strata, aspek teknikal dan kewangan melalui rujukan kepada model pelaksanaan program pembaharuan semula bandar di Hong Kong dan Singapura.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri buat masa ini masih meneruskan usaha memastikan struktur dan fasiliti di rumah pangsa Padang Tembak sentiasa dalam keadaan yang stabil dan kondusif. Pada tahun 2017 sebanyak RM1.48 juta dibelanjakan bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaiki kerosakan struktur di Blok E dan J.

Usaha ini diteruskan lagi pada tahun 2018 di mana sebanyak RM2.97 juta diperuntukkan bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan struktur di tujuh (7) blok yang selebihnya.